Dated 22 July 2014  
[MPHTJ/BPU/01/0053;  
PUNM. 700-02/6 Jilid 11]

ZALI BIN MAT YASIN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya/*  
*President*  
*Hang Tuah Jaya Municipal Council*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan Dana Ekuiti dan Kumpulan Wang Majlis serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

### Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat berteguran.

### Asas Kepada Pendapat Berteguran

MPHTJ memperolehi pendapatan sebanyak RM57,269,362 dan menanggung perbelanjaan sebanyak RM70,039,784. Ini menyebabkan pihak Majlis mengalami kurangan pendapatan berbanding perbelanjaan berjumlah RM12,770,422. MPHTJ juga merekod liabiliti semasa bersih sebanyak RM54,994,500 pada tahun semasa yang serius serta berkemungkinan menghadapi masalah usaha berterusan jika tiada usaha diambil bagi memperbaiki kedudukan kewangan.

Pihak MPHTJ telah tersalah rekod Projek Balairaya Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang bernilai RM141,068 dan projek membina 5 unit gerai makan serta 10 unit gerai kraftangan bernilai RM1,250,000 sebagai Perbelanjaan Bangunan-Bangunan Lain. Ia sepatutnya diklasifikasikan sebagai Harta Tak Alih dan perlu didaftarkan di dalam Daftar Harta Tak Alih. Oleh itu, Harta Tak Alih telah terkurang nyata sebanyak RM1,391,068.



## Pendapat Berteguran

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia kecuali yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- (i) Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- (ii) Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- (iii) Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

MELAKA  
Bertarikh 22 Julai 2014

ABID BIN ABDUL JALIL  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

## PERNYATAAN OLEH AHLI MAJLIS-AHLI MAJLIS

Kami, Gafar bin Othman, nombor kad pengenalan 640301-04-5727 dan Rohazam bin Bakar, nombor kad pengenalan 790810-08-6205 yang merupakan dua daripada Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dana Ekuiti Dan Kumpulan Wang Majlis yang berikut ini berserta dengan di dalamnya nota-nota adalah disediakan untuk memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan dalam kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

GAFAR BIN OTHMAN

*Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran  
Hang Tuah Jaya  
Melaka*

Bertarikh 29 April 2014

ROHAZAM BIN BAKAR

*Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran  
Hang Tuah Jaya  
Melaka*

Bertarikh 29 April 2014

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

Saya, Zali bin Mat Yasin, nombor kad pengenalan 730907-05-5443 dengan sesungguh dan sebenarnya mengaku bahawa saya adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dana Ekuiti Dan Kumpulan Wang Majlis yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak undang-undang Akta Akuan Berkanun, 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Ditandatangani dan diakui  
oleh penama yang tersebut  
di atas di Melaka, di Negeri Melaka  
Pada 29 April 2014

}

Di hadapan saya:

NORAZLINA BINTI NOOR  
*Pesuruhjaya Sumpah  
Malaysia*

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2013

	2013	2012
	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA		
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Nota 8)	120,528,818	115,515,831
KERJA DALAM KEMAJUAN (Nota 9)	28,593,500	16,677,450
	<hr/>	<hr/>
ASET SEMASA		
Penghutang (Nota 10)	7,497,287	6,534,823
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar (Nota 11)	289,585	285,592
Wang di bank dan wang di tangan (Nota 12)	13,072,451	15,263,735
	<hr/>	<hr/>
	20,859,323	22,084,150
	<hr/>	<hr/>
TOLAK:		
LIABILITI SEMASA		
Pemiutang (Nota 13)	59,888,916	40,583,900
Pelbagai terimaan pendahuluan dan akruan (Nota 14)	9,692,428	10,954,098
Pemiutang sewa beli (Nota 15)	5,261,033	5,232,552
Pinjaman jangka pendek (Nota 16)	1,011,446	—
	<hr/>	<hr/>
	75,853,823	56,770,550
	<hr/>	<hr/>

	2013 RM	2012 RM
LIABILITI SEMASA BERSIH	(54,994,500)	(34,686,400)
	<u>94,127,818</u>	<u>97,506,881</u>
DIBIAYAI OLEH:		
KUMPULAN WANG MAJLIS (Nota 17)	(13,423,570)	(653,148)
REZAB PENILAIAN SEMULA HARTA	3,684,000	3,684,000
GERAN TERTUNDA (Nota 18)	35,770,749	21,128,257
	<u>26,031,179</u>	<u>24,159,109</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG		
Pemiutang sewa beli (Nota 15)	68,096,639	73,347,772
	<u>94,127,818</u>	<u>97,506,881</u>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	2013 RM	2012 RM
PENDAPATAN		
Hasil cukai (Nota 19)	30,745,853	30,757,157
Lesen dan permit (Nota 20)	2,681,032	2,413,337
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan (Nota 21)	1,331,287	1,734,565
Perolehan jualan barang (Nota 22)	269,645	295,192
Sewaan (Nota 23)	7,708,523	5,602,984
Denda dan hukuman (Nota 24)	988,735	1,230,780
Faedah & perolehan dari pelaburan (Nota 25)	526,530	527,617
Geran/sumbangan kerajaan (Nota 26)	1,893,453	1,893,453
Lain-lain pendapatan (Nota 27)	11,124,304	13,090,892
	<u>57,269,362</u>	<u>57,545,977</u>
TOLAK:		
PERBELANJAAN		
Emolumen (Nota 28)	6,562,979	5,976,571
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup (Nota 29)	254,882	339,940
Perhubungan & Utiliti (Nota 30)	8,384,995	6,278,695
Sewaan (Nota 31)	133,568	296,639
Bahan-bahan makan dan minuman (Nota 32)	1,120	3,750
Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan (Nota 33)	335,397	365,206
Bekalan dan bahan-bahan lain (Nota 34)	1,123,621	873,794
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli (Nota 35)	20,203,166	18,076,223
Perkhidmatan iktisad dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti (Nota 36)	27,936,731	23,581,918

	2013 RM	2012 RM
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap (Nota 37)	30,000	674,634
Perbelanjaan-perbelanjaan lain (Nota 38)	1,105,584	1,116,424
Susut nilai (Nota 8)	3,967,741	3,817,400
	<u>70,039,784</u>	<u>61,401,194</u>
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN	(12,770,422)	3,855,217

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

PENYATA PERUBAHAN DANA EKUITI DAN KUMPULAN WANG MAJLIS  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	Kumpulan Wang Majlis RM	Rezab Penilaian Semula Harta RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2012	3,202,069	3,684,000	6,886,069
Tambah/(Kurang) pelarasan tahunan (Kurangan) pendapatan tahun semasa	<u>(3,855,217)</u>	<u>3,684,000</u>	<u>(3,855,217)</u>
Baki pada 31 Disember 2012	<u>(653,148)</u>	<u>3,684,000</u>	<u>3,030,852</u>
Baki pada 1 Januari 2013	(653,148)	3,684,000	3,030,852
Tambah/(Kurang) pelarasan tahunan (Kurangan) pendapatan tahun semasa	<u>(12,770,422)</u>	<u>—</u>	<u>(12,770,422)</u>
Baki pada 31 Disember 2013	<u>(13,423,570)</u>	<u>3,684,000</u>	<u>(9,739,570)</u>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	RM 2013	RM 2012
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI-AKTIVITI KENDALIAN		
(Kurangan)pendapatan dari perbelanjaan	(12,770,422)	(3,855,217)
Pelarasan:		
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3,967,741	3,817,400
Belanja faedah	638,611	653,916
Untung pelupusan harta	—	(3,053)
Diskaun diterima	—	(5,408)
(Kurangan)/Lebihan pendapatan dari perbelanjaan sebelum pertukaran modal kerja	<u>(8,164,070)</u>	<u>607,638</u>
(Pertambahan)/Pengurangan aset semasa:		
Penghutang	(962,464)	(916,567)
Pelbagai penghutang deposit dan prabayar	(3,993)	231,049
Kerja dalam kemajuan	(11,916,050)	(12,816,700)

	2013 RM	2012 RM
Pertambahan/(Pengurangan) liabiliti semasa:		
Pemiutang	19,305,016	11,189,913
Pelbagai terimaan pendahuluan dan akruan	(1,261,670)	4,157,906
	(3,003,231)	2,453,239
Faedah dibayar	(638,611)	(653,916)
Tunai bersih (digunakan)/diperolehi dan aktiviti-aktiviti kendalian	(3,641,842)	1,799,323
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(8,980,728)	(87,624,335)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti-aktiviti pelaburan	(8,980,728)	(87,624,335)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Perolehan daripada pemiutang sewabeli	—	79,342,531
Geran tertunda	14,642,492	16,043,324
Penerimaan atas pelupusan	—	5,100
Pinjaman jangka pendek	1,011,446	—
Bayaran balik kepada pemiutang sewabeli	(5,222,652)	(2,631,002)
Tunai bersih diperolehi dari aktiviti-aktiviti pembiayaan	10,431,286	97,759,953
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
(Pengurangan)/Pertambahan bersih	(2,191,284)	6,934,941
Wang tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	15,263,735	8,328,794
Wang tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	13,072,451	15,263,735
<b>PECAHAN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
Wang di bank dan wang di tangan	13,072,451	15,263,735

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN—31 DISEMBER 2013**

**1. KEGIATAN UTAMA**

- 1.1 Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (selepas ini disebut Majlis) adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bermula pada 1 Januari 2010.

- 1.2 Pejabat utama Majlis terletak di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan alamat utamanya di:

Lot F51 & F52, Tingkat 1  
 Kompleks Melaka Mall  
 Jalan Tun Abdul Razak–Ayer Keroh  
 75450 Ayer Keroh  
 Hang Tuah Jaya, Melaka

- 1.3 Sebagai sebuah PBT antara kegiatan-kegiatan utama Majlis adalah seperti berikut:
- (a) Perkhidmatan perbandaran dan kebersihan
  - (b) Penyelenggaraan kemudahan awam
  - (c) Kawalan pembangunan
  - (d) Kawalan perniagaan
- 1.4 Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun kewangan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

### 2.1 TAHUN KEWANGAN

Tahun kewangan Majlis adalah bagi tempoh dua belas bulan berakhir 31 Disember setiap tahun.

### 2.2 ASAS-ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Majlis telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 kecuali terhadap perkara-perkara yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

### 2.3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak digunakan secara aktif dan dipegang untuk pelupusan dinyatakan pada nilai buku bersih dan nilai pasaran bersih yang rendah.

Perolehan tanah yang melibatkan pembinaan jalan baru dan parit tidak dipermodalkan sebagai harta tetap tetapi diambilkira sebagai perbelanjaan semasa, walaubagaimanapun, perolehan tanah tersebut akan direkod sebagai bayaran kemajuan sehingga kerja-kerja pembinaan dijalankan ke atas tanah tersebut.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan pada asas garis lurus sepanjang anggaran hayat guna aset berkenaan pada kadar susut nilai tahunan seperti berikut:

Bangunan Kekal	2%
Bangunan Separuh Kekal	5%
Kenderaan	20%
Alat kelengkapan pejabat	10%
Alat kelengkapan penyiaran	10%
Alat kelengkapan elektronik	33%
Alat kelengkapan elektrik	10%
Alat kelengkapan fotografi & muzik	10%
Alat kelengkapan kebersihan	10%
Alat kelengkapan yang lain	10%

Hartanah bangunan yang terletak di atas tanah milik Kerajaan Negeri Melaka adalah diiktiraf sebagai bangunan milik separuh kekal. Walaubagaimanapun, hartanah yang diserahkan oleh PBT adalah mengikut kadar dan kategori asal bangunan tersebut.

Amaun penilaian semula diambil bagi bangunan yang tidak mempunyai nilai buku bersih serahan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

#### 2.4 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

Semua geran pemberian dan sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau lain-lain PBT diambil kira sebagai hasil sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 39 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Manakala geran-geran lain yang bukan dalam bentuk tunai yang mana pembayarannya untuk tujuan projek pembangunan dan tidak melalui Majlis tidak akan diambil kira dalam penyata kewangan Majlis.

Hasil cukai dan sewaan diiktiraf sebagai pendapatan mengikut asas akruan. Manakala hasil-hasil yang lain diiktiraf berdasarkan asas tunai.

Pendapatan dari pelupusan dan perolehan aset diiktiraf apabila surat perjanjian telah ditandatangani atau diluluskan oleh pihak berkuasa negeri.

Lain-lain hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil diiktiraf berdasarkan asas tunai.

#### 2.5 PENGIKTIRAFAN PERBELANJAAN

Semua perbelanjaan diiktiraf mengikut asas akruan.

Pembelian bekalan stor dan bahan alat ganti diambil kira sebagai perbelanjaan semasa dan tidak diambil kira ke dalam akaun stok.

#### 2.6 PELBAGAI TERIMAAN PENDAHULUAN

Pelbagai terimaan pendahuluan merupakan pendahuluan yang diterima daripada deposit dan cagaran.

### 3. MANFAAT KAKITANGAN

#### 3.1 Manfaat jangka pendek

Gaji, upah, bonus, elaun, cuti tahunan berbayar, cuti sakit dan manfaat-manfaat lain yang bukan berbentuk kewangan adalah diiktiraf sebagai belanja di dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan-kakitangan Majlis.

#### 3.2 Pelan caruman yang ditetapkan

Majlis adalah diwajibkan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) seperti yang dituntut oleh undang-undang. Majlis juga membuat caruman keselamatan sosial kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan tahun yang berkenaan. Apabila caruman dibayar, Majlis tiada lagi tanggungan pada masa hadapan.

#### 3.3 Manfaat penamatan kakitangan

Manfaat penamatan kakitangan adalah diiktiraf apabila persetujuan dicapai dengan wakil kakitangan mengenai terma penamatan kakitangan atau setelah kakitangan yang terbabit diberitahu mengenai terma-terma yang berkaitan secara spesifik.

### 3.4 Manfaat kepada Ahli Majlis

Elaun kepada Ahli Majlis dibayar berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun berkenaan.

## 4. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan diiktiraf dalam Lembaran Imbangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut. Instrumen kewangan dikelaskan sebagai harta atau liabiliti mengikut perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan atau kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti akan dilaporkan sebagai pendapatan atau perbelanjaan. Instrumen kewangan yang diiktiraf dalam lembaran imbangan dinyatakan pada penyata polisi individu mengikut perkara berkaitan:

### 4.1 Penghutang dan pemiutang

#### 4.1.1 Hutang Lapuk

Hutang lapuk yang dapat dikenalpasti akan dihapuskan. Walaubagaimanapun peruntukan hutang ragu akan dibuat terlebih dahulu dan hanya dihapuskan setelah semua tindakan yang diiktiraf berpatutan telah dibuat.

#### 4.1.2 Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan hutang ragu diwujudkan bagi memberi satu anggaran akan hutang atau tunggakan hasil yang berkemungkinan besar tidak dapat dikutip dan akan menjadi lapuk.

Peruntukan hutang ragu akan dibuat ke atas penghutang iaitu:

Cukai taksiran harta—Peruntukan akan dibuat ke atas tunggakan yang umurnya melebihi 5 tahun.

Sewaan gerai/pasar—Peruntukan akan dibuat ke atas akaun yang tidak aktif melebihi 5 tahun.

#### 4.1.3 Pelbagai penghutang

MPHTJ menerima projek di Taman Botanical daripada Kementerian Pelancongan dan projek masih dalam pembinaan. Projek akan di rekod sebagai aset setelah projek siap.

#### 4.1.4 Pemiutang

Amaun belum bayar dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar pada masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima dan kerja yang dilaksanakan.

#### 4.1.5 Pemiutang sewabeli

- (i) Pembelian kenderaan secara sewabeli dibuat selama 7-9 tahun dan dibiayai oleh tiga bank iaitu AmIslamic Bank Berhad, CIMB Bank Berhad dan Maybank Islamic Bank Berhad.
- (ii) Pembelian Kompleks Melaka Mall adalah secara sewabeli selama 13 tahun daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan harga RM60 juta tanpa melibatkan faedah pinjaman.
- (iii) Pembelian 7 aset daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah secara sewa beli selama 30 tahun dengan harga RM18,936,000.00.



4.1.6 Pinjaman Jangka Pendek

Pinjaman daripada AmIslamic Bank Berhad berjumlah RM2,000,000.00 dengan kadar faedah semasa 6.50% untuk tempoh setahun.

4.1.7 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai terdiri daripada wang dalam tangan, wang di bank dan kesetaraan tunas meliputi Simpanan Tetap yang tempoh matangnya tidak melebihi satu tahun dan boleh ditukar kepada tunai dalam tempoh yang terdekat.

5. MATERIALITI

Penyata kewangan Majlis yang disediakan mengambil kira dan melaporkan perkara-perkara yang penting untuk membantu membuat penilaian dan keputusan.

6. CUKAI

Majlis adalah dikecualikan dari membayar Cukai Pendapatan mengikut Jadual Enam Akta Cukai Pendapatan 1967.

7. MATAWANG

Jumlah-jumlah dinyatakan dalam matawang Ringgit Malaysia (RM).

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 1-1-2013 RM	Tambahan RM	Hapuskira RM	Pada 31-12-2013 RM
<b>KOS</b>				
Tanah	675,983	—	—	675,983
Bangunan Kekal	113,057,674	8,780,188	—	121,837,862
Bangunan Separuh Kekal	1,363,061	—	—	1,363,061
Kenderaan	3,657,991	—	—	3,657,991
Alat kelengkapan pejabat	15,950	5,347	—	21,297
Alat kelengkapan elektronik	2,886,689	146,169	—	3,032,858
Alat kelengkapan elektrik	123,352	25,900	—	149,252
Alat kelengkapan penyiaran	9,270	—	—	9,270
Alat kelengkapan fotografi & muzik	22,429	1,740	—	24,169
Alat kelengkapan kebersihan	27,657	21,384	—	49,041
Alat kelengkapan yang lain	4,980	—	—	4,980
	<u>121,845,036</u>	<u>8,980,728</u>	<u>—</u>	<u>130,825,764</u>

	Pada 1-1-2013 RM	Tambahan RM	Pelarasan RM	Pada 31-12-2013 RM
--	------------------------	----------------	-----------------	--------------------------

**SUSUTNILAI  
TERKUMPUL**

Tanah	5,525	6,828	—	12,353
Bangunan Kekal	3,298,698	2,369,054	—	5,667,752
Bangunan Separuh Kekal	128,052	68,153	—	196,205
Kenderaan	1,380,058	731,598	—	2,111,656
Alat kelengkapan pejabat	1,955	2,017	—	3,972
Alat kelengkapan elektronik	1,486,413	767,938	—	2,254,351

	Pada 1-1-2013	Tambahan	Pelarasan	Pada 31-12-2013
	RM	RM	RM	RM
Alat kelengkapan elektrik	14,011	13,847	—	27,858
Alat kelengkapan penyiaran	2,318	927	—	3,245
Alat kelengkapan fotografi & muzik	5,212	2,417	—	7,629
Alat kelengkapan kebersihan	5,884	4,464	—	10,348
Alat kelengkapan yang lain	1,079	498	—	1,577
	<u>6,329,205</u>	<u>3,967,741</u>	<u>—</u>	<u>10,296,946</u>

9. NILAI BUKU BERSIH

	Pada 1-1-2013	Pada 31-12-2013
	RM	RM
Tanah	670,458	663,630
Bangunan Kekal	109,758,976	116,170,110
Bangunan Separuh Kekal	1,235,009	1,166,856
Kenderaan	2,277,933	1,546,335
Alat kelengkapan pejabat	13,995	17,325
Alat kelengkapan elektronik	1,400,276	778,507
Alat kelengkapan elektrik	109,341	121,394
Alat kelengkapan penyiaran	6,952	6,025
Alat kelengkapan fotografi & muzik	17,217	16,540
Alat kelengkapan kebersihan	21,773	38,693
Alat kelengkapan yang lain	3,901	3,403
	<u>115,515,831</u>	<u>120,528,818</u>

10. KERJA DALAM KEMAJUAN

Projek Pembangunan Landskap & Kemudahan Di Taman Botanikal	28,593,500	16,677,450
	<u>28,593,500</u>	<u>16,677,450</u>

11. PENGHUTANG

Penghutang cukai taksiran	5,449,145	4,713,202
Penghutang sewa bangunan	713,167	331,121
Penghutang sewa petak letak kereta	382,630	165,493
Penghutang sewa gelanggang	42,876	75,792
Penghutang sewa gerai/kiosk/pasar	205,439	214,263
Pendahuluan kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah	209,181	209,181
Pendahuluan kepada Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)	12,942	—
Penghutang CBK- Kerajaan Negeri	293,828	644,457
Penghutang - Pembersihan Rumah Kosong	13,500	11,250
Penghutang - Perkhidmatan Keselamatan CIT	9,240	13,939
Penghutang - Jalan Marris JKR	165,339	156,125
	<u>7,497,287</u>	<u>6,534,823</u>

12. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2013	2012
	RM	RM
Kos tanah dalam proses pengambilalihan	282,702	282,702
Pendahuluan pelbagai	6,883	2,890
	<u>289,585</u>	<u>285,592</u>

13. WANG DI BANK DAN WANG DI TANGAN

Wang di bank:		
Akaun AmBank	10,512,310	13,898,575
Akaun Maybank	1,313,129	590,242
Akaun CIMB	1,150,201	467,378
Akaun BSN	17,988	230,446
Akaun Affin Bank - (E-kasih)	2,746	2,746
Akaun Affin Bank - (Internet banking)	73,277	72,548
Akaun Bank Islam	1,000	—
	<u>13,070,651</u>	<u>15,261,935</u>
Wang di tangan:		
Panjar wang runcit	1,000	1,000
Wang apungan kaunter pembayaran	800	800
	<u>13,072,451</u>	<u>15,263,735</u>

14. PEMIUTANG

Akruan perkhidmatan audit	30,775	25,434
Perbelanjaan Sipiutang	9,110,906	5,861,487
Perbelanjaan Akruan kena bayar tahun lalu	3,169,821	4,128,072
Projek pembangunan jabatan kejuruteraan	4,243,263	—
Bendahari Universiti Teknologi Malaysia	40,000	110,000
Southern Waste Management Sdn. Bhd.	4,054,557	6,791,727
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Perbersihan Awam	36,129,848	19,265,683
Akruan sewa bangunan MBMB	56,775	415,876
Pendahuluan daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)	3,052,971	3,739,291
Pendahuluan daripada Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)	—	246,330
	<u>59,888,916</u>	<u>40,583,900</u>

15. PELBAGAI TERIMAAN, PENDAHULUAN DAN AKRUAN

	2013	2012
	RM	RM
Cukai taksiran	407,048	736,309
Deposit pembinaan	3,954,742	3,116,334
Deposit sewa gerai	231,523	168,153
Deposit pelbagai	82,933	46,410
Deposit Jabatan Penilaian	517,131	229,841
Deposit Kerja Tanah/Parit & Jalan (Jab. Kejuruteraan)	1,622,739	1,216,069
Deposit letak kereta (Penswastan)	500,000	500,000
Sumbangan projek menaiktaraf sistem pencahayaan Taman Seribu Bunga	9,965	1,185,672

	2013	2012
	RM	RM
Pendahuluan sewaan pasar borong (Jab. Penilaian)	84,000	84,000
Wang jaminan pelaksanaan (Kejuruteraan)-WJP	2,162,308	1,879,779
Sumbangan dari Kementerian Dalam Negeri-Program Bandar	42,173	463,178
Sumbangan Khas Projek Pembangunan Dari KPKT	1,482	118,500
Sumbangan Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (COB)	100	637,395
Sumb. Pembaikan Rumah Mangsa Ribut Di Taman Ayer Keroh Height	—	355
Sumbangan Penurapan Jalan JKR	37,014	572,103
Sumbangan projek Perintis LCCF	37,570	—
Sumbangan kawalan kempen tikus	1,700	—
	<u>9,692,428</u>	<u>10,954,098</u>
<b>16. PINJAMAN JANGKA PANJANG</b>		
<b>PEMIUTANG SEWA BELI</b>		
Bayaran hutang minimum—		
tidak melebihi dari 1 tahun	5,849,837	2,957,232
melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	74,417,009	83,159,450
melebihi 5 tahun tetapi tidak melebihi 9 tahun	633,018	633,018
	<u>80,899,864</u>	<u>86,749,700</u>
Tolak: Caj kewangan yang akan dikenakan	(7,542,192)	(8,169,376)
Nilai semasa hutang sewa beli	<u>73,357,672</u>	<u>78,580,324</u>
Nilai semasa hutang sewa beli—		
tidak melebihi dari 1 tahun	5,261,033	5,232,552
melebihi satu tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	20,770,442	20,537,825
melebihi 5 tahun tetapi tidak melebihi 9 tahun	47,326,197	52,809,947
	<u>73,357,672</u>	<u>78,580,324</u>
<b>17. PINJAMAN JANGKA PENDEK</b>		
<b>PINJAMAN INSTITUSI KEWANGAN</b>		
Bayar dalam tempoh setahun	1,011,446	—
Baki pada 31 Disember	<u>1,011,446</u>	<u>—</u>
<b>18. KUMPULAN WANG MAJLIS</b>		
Baki pada 1 Januari	(653,148)	3,202,069
Kurangan pendapatan	(12,770,422)	(3,855,217)
Baki pada 31 Disember	<u>(13,423,570)</u>	<u>(653,148)</u>
<b>19. GERAN TERTUNDA</b>		
Baki pada 1 Januari 2013	21,128,257	5,084,933
Geran Tertunda bagi Tahun Semasa	14,740,270	16,071,392
Tolak:		
Pelunasan geran tertunda	(97,778)	(28,068)
Baki pada 31 Disember 2013	<u>35,770,749</u>	<u>21,128,257</u>

## 20. HASIL CUKAI

	2013	2012
	RM	RM
Cukai taksiran	27,729,354	26,455,517
Sumbangan bantu kadar	3,016,499	4,301,640
	<u>30,745,853</u>	<u>30,757,157</u>

## 21. LESEN DAN PERMIT

Lesen perniagaan	1,807,157	1,578,706
Lesen iklan	871,741	820,149
Permit letak bahan binaan	2,134	14,482
	<u>2,681,032</u>	<u>2,413,337</u>

## 22. PERKHIDMATAN DAN BAYARAN PERKHIDMATAN

Bayaran proses perkhidmatan	675,614	1,147,752
Caj utiliti	49,305	239,522
Bayaran pelan lanskap	17,288	18,080
Caj proses keluaran SKM	149,510	93,148
Pelbagai bayaran perkhidmatan	439,570	236,063
	<u>1,331,287</u>	<u>1,734,565</u>

## 23. PEROLEHAN JUALAN BARANG

Jualan tender dokumen	55,641	59,980
Jualan papan tanda	59,134	69,753
Jualan patel, plet dan lencana	35,032	35,478
Jualan plet permit sementara	111,177	117,317
Pelbagai jualan	8,661	12,664
	<u>269,645</u>	<u>295,192</u>

## 24. SEWAAN

Sewa gelanggang	30,226	25,561
Sewa tanah/bangunan	4,842,302	3,958,678
Sewa pokok bunga/pasu	13,538	63,575
Sewa gerai/kiosk/pasar	575,273	611,820
Sewaan petak letak kereta	1,799,609	933,262
Sewa kenderaan	900	1,150
Sewa billboard	348,000	—
Sewa Ro-Ro	93,300	—
Pelbagai sewaan	5,375	8,938
	<u>7,708,523</u>	<u>5,602,984</u>

## 25. DENDA DAN HUKUMAN

Denda letak kereta penswastaaan	283,473	488,118
Denda/kompaun jabatan pelesenan	85,430	35,008
Denda pembinaan tanpa kelulusan	84,523	62,041

	2013	2012
	RM	RM
Denda lewat dan notis	385,697	518,271
Kompaun dan denda penguatkuasa	138,108	124,997
Pelbagai denda dan hukuman	11,504	2,345
	<u>988,735</u>	<u>1,230,780</u>
<b>26. FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN</b>		
Faedah daripada akaun semasa	456,991	497,799
Komisen dan Rebat Insuran	69,539	26,765
Keuntungan Pelupusan Harta	—	3,053
	<u>526,530</u>	<u>527,617</u>
<b>27. GERAN/SUMBANGAN KERAJAAN</b>		
Geran tahunan	1,893,453	1,893,453
	<u>1,893,453</u>	<u>1,893,453</u>
<b>28. LAIN-LAIN PENDAPATAN</b>		
Pulangan balik pembelanjaan	42,459	46,054
Terimaan daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta	10,940,650	7,501,887
Terimaan harta modal	16,517	5,483,975
Pelbagai kutipan hasil	26,900	25,500
Pelunasan Geran Tertunda	97,778	28,068
Diskaun diterima	—	5,408
	<u>11,124,304</u>	<u>13,090,892</u>
<b>29. EMOLUMEN</b>		
Gaji dan upahan	4,056,563	3,224,758
Elaun dan imbuhan tetap	1,551,161	1,520,945
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	675,845	613,711
Bayaran lebih masa	277,410	323,964
Faedah-faedah kewangan yang lain	2,000	293,193
	<u>6,562,979</u>	<u>5,976,571</u>
<b>30. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP</b>		
Perjalanan dan penginapan	246,558	323,578
Bayaran lain-lain	8,324	16,362
	<u>254,882</u>	<u>339,940</u>
<b>31. PERHUBUNGAN &amp; UTILITI</b>		
Perhubungan	126,286	141,266
Utiliti	8,258,709	6,137,429
	<u>8,384,995</u>	<u>6,278,695</u>

32. SEWAAN		
	2013	2012
	RM	RM
Sewa bangunan	—	130,202
Sewa kenderaan	2,450	5,940
Sewa peralatan-peralatan	91,860	111,007
Sewa pelbagai	39,258	49,490
	<u>133,568</u>	<u>296,639</u>
33. BAHAN-BAHAN MAKAN DAN MINUMAN		
Minuman yang telah diproses	1,120	3,750
	<u>1,120</u>	<u>3,750</u>
34. BEKALAN BAHAN MENTAH DAN BAHAN-BAHAN UNTUK PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN		
	2013	2012
	RM	RM
Alat-alat ganti	140,944	157,445
Petroleum dan bahan-bahan pembakar	112,422	159,190
Kimia dan bahan-bahan kimia	24,549	17,430
Bekalan pertanian	54,396	26,543
Makanan ternakan	3,086	4,598
	<u>335,397</u>	<u>365,206</u>
35. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN		
Bekalan pejabat	521,312	625,015
Bekalan am	488,709	107,658
Bekalan dan bahan fotografi	—	4,977
Bahan tenunan dan barang-barang pakaian	113,600	136,144
	<u>1,123,621</u>	<u>873,794</u>
36. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN YANG DIBELI		
	2013	2012
	RM	RM
Penyelenggaraan bangunan	338,454	306,238
Kemudahan jalan raya	839,214	1,109,624
Kemudahan talian dan pengairan	411,227	179,678
Kemudahan riadah dan taman	2,749,871	4,318,674
Kemudahan-kemudahan lain	5,771,370	6,519,330
Penyelenggaraan kenderaan	80,042	100,086
Penyelenggaraan alatan pejabat	86,935	42,060
Perbelanjaan Pembangunan	9,926,053	5,500,533
	<u>20,203,166</u>	<u>18,076,223</u>

37. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN PERKHIDMATAN LAIN YANG DIBELI DAN HOSPITALITI

	2013	2012
	RM	RM
Perkhidmatan yang dibeli	23,909,238	19,654,432
Perkhidmatan percetakan dan menjilid yang dibeli	224,670	225,116
Bayaran kepada kakitangan kontrak	2,762,462	2,478,285
Keraian, hospitaliti dan honorarium	1,040,361	1,224,085
	<u>27,936,731</u>	<u>23,581,918</u>

38. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

Pemberian dalam negeri	30,000	635,244
Ganjaran	—	39,390
	<u>30,000</u>	<u>674,634</u>

39. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

Pulanganbalik dan hapuskira	38,860	2,494
Cukai dan pelbagai	66,824	32,654
Caj perkhidmatan bank	361,289	427,360
Faedah atas sewa beli	638,611	653,916
	<u>1,105,584</u>	<u>1,116,424</u>

40. GERAN DAN SUMBANGAN KERAJAAN

Geran pemberian dan sumbangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk projek pembangunan yang bukan dalam bentuk tunai dan tidak melalui Majlis tidak akan diambil kira sebagai hasil dan perbelanjaan dalam penyata kewangan Majlis.

Geran dan sumbangan yang diterima dalam bentuk projek pembangunan yang tidak diambil kira di dalam tahun semasa adalah seperti berikut:

	2013	2012
	RM	RM
Jalan, parit dan longkang	1,140,342	2,987,280
Selenggara kemudahan	3,448,020	1,589,941
	<u>4,588,362</u>	<u>4,577,221</u>

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA